In line with our commitment to provide takaful services and encouraging savings among the public, we introduced "Pelan Takaful Wiladah," a takaful plan that provides long-term savings as well as a form of contingency fund in the event of pregnancy complication, childbirth or congenital



PENYATA PENGERUSI *Chairman's Statement*

yang boleh dibaharui secara tahunan, maka Kumpulanwang Takaful Keluarga dibahagikan kepada dua sektor: Sektor Individu dan Sektor Berkelompok. Sektor Individu merangkumi semua produk dengan tempoh matang 10, 15, 20, 25, 30, 35 dan 40 tahun, termasuk Pelan Takaful Gadaijanji dan Pelan Takaful Untuk Pelajaran yang boleh disertai oleh individu sahaja. Sementara itu, Sektor Berkelompok merangkumi semua produk berkelompok termasuk Pelan Takaful Keluarga Berkelompok dan Pelan Takaful Rawat Berkelompok yang boleh disertai oleh badan korporat sahaja; Pelan Takaful Hawa (pelan manfaat tunai bagi wanita yang mengidap kanser) serta kontrak-kontrak sampingan yang digabung dan diendoskan kepada pelan takaful individu dan Takaful Rawat (Pelan Kesihatan dan Medikal), adalah disatukan di bawah Sektor Berkelompok.

Walau bagaimanapun, disebabkan oleh penarikan pelaksanaan skim anuiti KWSP (SATK) mulai Julai 2001, jumlah kasar sebenar caruman/sumbangan takaful yang diterima oleh kedua-dua Sektor termasuk SATK menurun kepada RM278,686,291 daripada RM563,572,408 pada 2001. Tetapi tanpa SATK, jumlah caruman/sumbangan mencatat peningkatan 40 peratus kepada RM280,688,772 daripada RM200,016,400 pada 2001.

Sektor Individu

Pada permulaan tahun kewangan yang dikaji, kumpulanwang bagi Sektor Individu dibuka dengan baki RM904,723,487. Berdasarkan objektif korporat Takaful Malaysia untuk memperhebatkan pertumbuhan Sektor ini, prestasi Perniagaan Baru terus menunjukkan kenaikan pesat. Bilangan sijil di bawah Perniagaan Baru bertambah kepada 144,617 atau meningkat sebanyak 29 peratus daripada 112,162 pada 2001.

Seiring dengan arus pertumbuhan yang berterusan, sejumlah RM221,952,205 caruman/sumbangan takaful kasar sebenar telah dikutip sepanjang tahun yang dikaji. Berbanding dengan angka RM167,400,111 (tidak termasuk RM363,556,008 dari SATK) dalam tahun sebelumnya, ini menunjukkan peningkatan sebanyak 33 peratus. Daripada jumlah ini, RM143,576,651 atau 89 peratus dihasilkan daripada Perniagaan Baru. Selepas ditolak bayaran urusan takaful semula, tuntutan yang telah dibayar dan tertunggak, pengembalian wang, serahan sijil dan pengeluaran sebahagian, caruman/sumbangan takaful bersih Sektor Individu ini dipegang sebanyak RM154,975,289 daripada RM492,959,282 pada 2001.

Akaun Peserta yang pada asasnya adalah dana tabungan dan pelaburan wang caruman/sumbangan takaful Peserta merangkumi 70 peratus baki bersih Sektor ini. Sementara 30 peratus selebihnya adalah untuk Akaun Khas Peserta yang menanggung liabiliti kemortalan Kumpulanwang Takaful Keluarga jika ditakdirkan



disability to the newborn. The plan also provides cash pay out in the event of the death to the mother or baby.

With the difference in the accounting treatment between the long-term and annually renewable family products, the Family Takaful Fund is segmented into two sectors, namely the Individual and Group Sectors. The Individual Sector consists of all products with maturity periods of 10, 15, 20, 25, 30, 35 and 40 years, as well as Takaful Mortgage Plan and Takaful Plan For Education, all of which may essentially be participated by individuals. On the other hand, the Group Sector comprises all group products including Group Family Takaful Plan and Group Medical Takaful, which may be participated by corporate bodies only; Takaful Hawa Plan (cash benefit plan for women diagnosed with cancer) as well as the supplementary contracts attached and endorsed to the individual plans; and the Takaful Rawat (Medical and Health Plan) are managed under the Group Sector.

However, due to suspension of the Employees Provident Fund (EPF) annuity scheme (SATK) in July 2001, the actual total gross takaful instalments/contributions received under both Sectors including SATK reduced substantially to RM278,686,291 from RM563,572,408 in 2001. However, should SATK be excluded, the total instalments/contributions recorded a 40 per cent increase to RM280,688,772 from RM200,016,400 in 2001.

Individual Sector

The fund for the Individual Sector commenced with the opening balance of RM904,723,487 at the beginning of the financial year under review. With the corporate policy of Takaful Malaysia to boost the development of this Sector, the New Business had accelerated further in its growth. The number of Certificates for New Business issued during the year rose 29 per cent to 144,617 from 112,162 in 2001.

In tandem with the continuous growth momentum, a sum of RM221,952,205 in gross takaful instalments/contributions was booked

PENYATA PENGERUSI Chairman's Statement

Peserta meninggal dunia semasa tempoh takaful berkuatkuasa.

Pulangan pelaburan pula bagi Sektor ini, meningkat kepada RM45,276,511 berbanding RM23,331,178 pada 2001. Selepas ditolak bahagian untung yang diperuntukkan kepada kami di bawah kontrak perkongsian al-Mudharabah sejumlah RM10,924,151, Sektor ini membantu menjana ke arah pertumbuhan positif Kumpulanwang Takaful Keluarga, yang ditutup pada RM1,126,126,089 atau lonjakan 20 peratus daripada angka penutup RM941,110,286 pada 2001.

Sama seperti peruntukan yang dibuat untuk Kumpulanwang Takaful Am, kami juga telah membuat peruntukan sebanyak RM36,386,799 ke atas susutnilai saham dan amanah saham di bawah Kumpulanwang Takaful Keluarga. Walau bagaimanapun, nilai keseluruhan pasaran dalam pelaburan saham dan amanah saham telah meningkat mengakibatkan kurangan dalam peruntukan sebanyak RM10,289,663. Oleh yang demikian, baki penutup Kumpulanwang Takaful Keluarga telah meningkat kepada RM1,102,917,670 pada tahun yang dikaji. Disebalik peruntukan tersebut, baki penutup masih menunjukkan peningkatan sebanyak 22 peratus berbanding baki pada tahun lepas iaitu RM904,723,487.

Penilaian statutori yang dibuat ke atas Akaun Khas Peserta di bawah Sektor Individu telah menunjukkan lebihan aset keatas liabiliti kepada RM14,758,881 berbanding RM4,896,552 pada 2001, terutamanya disebabkan oleh penurunan peruntukan susutnilai saham dan amanah saham.

Sektor Berkelompok

Di bawah Sektor Berkelompok, jumlah kasar sebenar sumbangan takaful yang diterima dalam tahun yang dikaji melonjak kepada RM58,736,567, merupakan pertambahan 80 peratus berbanding RM32,616,289 pada 2001. Selepas mengambilkira belanja kendalian takaful membabitkan kos-kos takaful semula, tuntutan yang telah dibayar dan tertunggak, pertambahan rezab bagi sumbangan takaful yang belum diperolehi serta peruntukan rezab am tambahan maka Sektor ini mencatat untung penanggungan berjumlah RM17,614,099 berbanding RM11,143,003 pada 2001.

Laba Sektor ini bertambah setelah dicampur perolehan pelaburan sebanyak RM2,199,060, yang demikian, untung keseluruhan Sektor ini menokok kepada RM19,813,159 daripada RM12,979,460 pada 2001.

Dalam tahun lalu, di bawah Sektor Berkelompok, Takaful Malaysia telah mengeneipkan sebanyak RM2,149,143 sebagai peruntukan susutnilai saham dan amanah saham. Disebabkan pasaran saham pulih sedikit, peruntukan berkurangan sebanyak RM855,246.

during the year under review. Compared with the figure of RM167,400,111 previously (excluding RM363,556,008 from SATK), the performance marked an increase of 33 per cent. From this amount, RM143,576,651 or 89 per cent had been generated from New Business. After charging expenses of retakaful, claims paid and outstanding, refunds, surrenders and part-withdrawals, the net retained instalments/contributions registered by the Individual Sector stood at RM154,975,289 from RM492,959,282 in 2001.

The Participants' Accounts which form the core savings and investments portion of the takaful instalments/contributions of the Participants, constitute 70 per cent of the net balance of this Sector. The remaining 30 per cent was attributed to the Participants' Special Accounts which assumed the mortality liability of the Family Takaful Fund should Participants pass away prematurely.

Investment returns for this Sector during the same period improved to RM45,276,511 compared to RM23,331,178 in 2001. After deducting our share of the al-Mudharabah profit of RM10,924,151, the Sector contributed positively to the growth of the Family Takaful Fund, closing at RM1,126,126,089 or a growth of 20 per cent from a closing balance of RM941,110,286 in 2001.

Similar to the provision made in respect of the General Takaful Fund, we had also set aside RM36,386,799 for the diminution in value of quoted shares and unit trusts transacted under the Family Takaful Fund. Subsequently, our overall market value of holdings in quoted shares as well as unit trusts increased in value that resulted in a reduction in provision of RM10,289,663. Therefore, the net balance of the Family Takaful Fund was increased to RM1,102,917,670 in the year under review. Despite the provision, the closing balance is still higher by 22 per cent over the previous year's balance of RM904,723,487.

The statutory valuation undertaken for the Participants' Special Accounts under this Sector had shown an increase in the surplus of assets over liabilities of RM14,758,881 from RM4,896,552 in 2001, mainly attributed to the reduction in provisions for diminution in value of quoted shares and unit trusts.

Group Sector

The actual gross takaful contributions from the Group Sector increased by 80 per cent to RM58,736,567 during the year under review from RM32,616,289 in 2001. Accounting for expenses comprising mainly retakaful, claims paid and incurred, increase in reserve for unexpired takaful contributions, as well as additional amount in the general reserve, this Sector recorded an underwriting gain of RM17,614,099, in contrast to RM11,143,003 in 2001.

The additional gain helped to further enhance the total income of this Sector with profit from

PENYATA PENERUSI Chairman's Statement

Keuntungan kepada Peserta

Di bawah Sektor Individu, sejumlah RM31,431,971 termasuk RM11,434,770 bahagian keuntungan SATK telah dipindahkan ke dalam akaun yang boleh diagihkan kepada Peserta-peserta dalam tahun yang dikaji, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perjanjian berkongsi untung mengikut kontrak al-Mudharabah. Angka yang dipindahkan tahun sebelumnya adalah RM17,077,793. Daripada akaun inilah keuntungan sebenar dikreditkan ke dalam setiap Akaun Peserta pada tiap-tiap tahun. Mencerminkan senario kelembapan aktiviti pelaburan, kadar untung yang diisytiharkan kepada Peserta bagi tahun yang dikaji adalah 2.45 peratus setahun.

Begitu juga berpandukan perjanjian yang sama, Takaful Malaysia telah memindahkan sejumlah RM8,431,061 ke dalam akaun untung yang boleh diagihkan kepada Peserta-peserta di bawah Sektor Berkelompok. Amaun yang telah dipindah tahun sebelumnya adalah RM6,076,894. Juga daripada akaun inilah, keuntungan sebenar dibayar kepada Peserta-peserta berasaskan syarat-syarat dan peraturan-peraturan penyertaan apabila Sijil Takaful masing-masing genap tempohnya.

Kadar untung pula berbeza dari satu bulan ke satu bulan dalam lingkungan daripada 26 peratus setahun kepada 28 peratus setahun. Jumlah untung yang telah dibayar dalam tahun yang dikaji adalah RM1,942,165, berbanding RM1,577,283 pada 2001.

PENCAPAIAN SYARIKAT

Pada dasarnya ada tiga sumber utama pendapatan kepada Takaful Malaysia iaitu pulangan pelaburan Kumpulanwang Pemegang Saham sendiri dan juga bahagian untung khusus kepada kami sebagai balasan ke atas khidmat pengurusannya dalam Perniagaan Takaful Am dan Perniagaan Takaful Keluarga sebagaimana yang dimeterikan di bawah kontrak berkongsi untung mengikut prinsip al-Mudharabah.

Wajar dijelaskan bahawa mengikut amalan umum bagi mana-mana transaksi kontrak al-Mudharabah, belanja kendalian pengurusan kami tidak ditanggung oleh Kumpulanwang Takaful yang berkaitan. Ini bermakna, belanja tersebut tidak dibeban kepada Peserta-peserta; sebaliknya ditanggung sepenuhnya oleh Kumpulanwang Pemegang Saham.

Keseluruhan aset bersih bagi ketiga-tiga Kumpulanwang Takaful Am, Kumpulanwang Takaful Keluarga dan Kumpulanwang Pemegang Saham telah melonjak sebanyak 20 peratus kepada RM1,435,346,429 daripada RM1,200,750,815 pada 2001.

Namun demikian, disebabkan baki peruntukan susutnilai saham dan amanah saham masih kena diketepikan bagi kedua-dua Kumpulanwang



investment totalling RM2,199,060, the total profit for the Group Sector jumped to RM19,813,159 in comparison with RM12,979,460 in 2001.

In the previous year, the Group Sector had also set aside a sum of RM2,149,143 as provision for diminution in value of quoted shares and unit trusts. With better outlook in the equity market, a reduction in provision had been made amounting to RM855,246.

Profits to Participants

For the Individual Sector, a sum of RM31,431,971 inclusive of the SATK portion of RM11,434,770 was transferred into the account of profit attributable to Participants during the year under review, in accordance with the profit-sharing contract of al-Mudharabah. The figure transferred previously was RM17,077,793. From this account, actual profits were then credited into the respective Participant's Account annually. The rate of profit declared to Participants for the year was 2.45 per cent per annum, reflecting the subdued climate of investment activities.

In the same manner, we had also transferred RM8,431,061 into the account of profit attributable to Participants under the Group Sector. The amount transferred previously was RM6,076,894. From this account too, actual profits were distributed to Participants, in accordance with the terms and conditions of the Takaful Certificates upon expiry of the takaful period.

The rates of profit fluctuated from month to month ranging from 26 per cent to 28 per cent per annum. Total profit paid-out during the year was RM1,942,165, against RM1,577,283 in 2001.

COMPANY'S PERFORMANCE

Basically, there are three main sources of income of Takaful Malaysia, returns on the investment of our Shareholders' Fund, and our shares of profit for managing both the General Takaful Business and the Family Takaful Business, which are in accordance with the principle of the profit-sharing contract of al-Mudharabah.

PENYATA PENGERUSI *Chairman's Statement*

Takaful Am dan Kumpulanwang Takaful Keluarga, baki keseluruhan aset bersih untuk ketiga-tiga Kumpulanwang tersebut adalah RM1,378,360,163. Walau bagaimanapun, di sebalik susutnilai ini, angka tersebut masih menunjukkan kenaikan 23 peratus berbanding dengan angka RM1,121,633,108 pada tahun sebelumnya.

Dari aspek pelaburan pula, Kumpulanwang Pemegang Saham kami telah mencatat pendapatan bersih sebanyak RM7,445,543 atau meningkat 733 peratus daripada RM894,355 pada tahun sebelumnya disebabkan terutamanya oleh kira pulih bagi peruntukan susutnilai saham dan amanah saham yang berjumlah RM4,344,309 berbanding peruntukan tambahan RM5,289,242 pada tahun sebelumnya.

Bahagian untung yang dipindahkan kepada kami dari Kumpulanwang Takaful Am meningkat kepada RM42,116,363 dalam tahun yang dikaji, memperlihatkan pertambahan 5 peratus berbanding tahun sebelumnya. Bahagian untung dari Sektor Individu Kumpulanwang Takaful Keluarga melonjak kepada RM10,924,151 berbanding RM6,223,551 pada 2001. Sementara bahagian untung dari Sektor Berkelompok menambah kepada RM10,489,855 daripada RM6,902,566 pada 2001.

Selain daripada itu, perolehan pendapatan ke atas urusniaga takaful semula yang diterima oleh Takaful Malaysia di bawah Perniagaan Takaful Am, meskipun masih kecil, telah menyumbang sebanyak RM566,823 kepada keseluruhan pendapatan kami.

Secara keseluruhannya jumlah kesemua pendapatan kami dalam tahun yang dikaji telah meningkat 31 peratus kepada RM71,542,735 daripada angka RM54,457,686 pada 2001.

Sebagai tanda pemulihan keseluruhan pasaran saham pada akhir tahun yang dikaji, kami telah mengira pulih peruntukan susutnilai saham dan amanah saham yang ditanggung oleh Kumpulanwang Pemegang Saham sebanyak RM4,344,309.

Setelah mengambilkira belanja kendalian pengurusan sebanyak RM57,439,305, kami mencatat keuntungan sebelum zakat dan cukai berjumlah RM14,103,430 untuk tahun kewangan yang dikaji. Angka ini menandakan peningkatan 109 peratus daripada keuntungan RM6,735,334 yang dicatat dalam tahun sebelumnya.

Setelah mengambilkira bayaran zakat berjumlah RM966,856 dan peruntukan cukai sebanyak RM1,148,258, keuntungan bersih kami adalah sebanyak RM11,988,316 berbanding RM3,696,279 pada 2001. Dengan baki keuntungan terkumpul sebanyak RM34,319,304 yang dibawa ke hadapan dari tahun lalu, keuntungan terkumpul yang disimpan bertambah kepada RM43,337,620.



Perhaps, it is worth noting that under our takaful operations which is based on the profit-sharing principle of al-Mudharabah, our management and operating expenses are not borne by the respective Takaful Funds. In other words, these expenses are not financed by the Participants; instead they are entirely charged to the Shareholders' Fund.

The combined total net assets of the General Takaful Fund, the Family Takaful Fund and the Shareholders' Fund increased 20 per cent to RM1,435,346,429 from RM1,200,750,815 in 2001.

However, with the balance of the provisions for diminution in the value of quoted shares and unit trusts set aside for both the General Takaful Fund and the Family Takaful Fund, the combined total net assets of the three Funds stood at RM1,378,360,163. Therefore, the total net asset figure shows an increase of 23 per cent in comparison with the previous figure of RM1,121,633,108.

On the investment front, our Shareholders' Fund registered a net return of RM7,445,543, or an increase of 733 per cent from the previous total of RM894,355 mainly due to write back of provision for diminution in value of quoted shares and unit trusts totalling RM4,344,309 compared to additional provision totalling RM5,289,242 in the previous year.

Our share of income from the General Takaful Fund improved to RM42,116,363 during the year under review, representing an increase of 5 per cent from the preceding year. The share of income attributed from the Individual Sector of the Family Takaful Fund improved to RM10,924,151 against RM6,223,551 in 2001. Our income from the Group Sector rose to RM10,489,855 from RM6,902,566 in 2001.

In addition, the inward retakaful cession for the General Takaful Business, albeit small, had contributed an additional figure of RM566,823 to our overall income.

PENYATA PENGERUSI

Chairman's Statement

Memandangkan secara keseluruhan operasi Takaful Malaysia tumbuh dengan memuaskan, Lembaga Pengarah mengesyorkan agar dividen dengan dikecualikan cukai dibayar pada kadar 7.5 peratus membabitkan amaun sebanyak RM4,125,000.

PRESTASI KUMPULAN

Kumpulan merekodkan keuntungan bersih yang menurun sedikit sebanyak RM10,340,508 kesan kerugian PT Syarikat Takaful Indonesia (STI), Arabian Malaysian Takaful Company (AMTC) and Amana Takaful Limited (ATL).

RANGKAIAN CAWANGAN

Sebagai usaha berterusan untuk mempertingkatkan mutu khidmat khususnya diperingkat rangkaian, dalam tahun yang dikaji, sebuah (1) cawangan baru telah dibuka di Seksyen 13, Shah Alam, Selangor bagi menggantikan cawangan yang sebelumnya bertempat di bangunan PKNS, dimana ianya dikira sebagai cawangan biasa.

Pada akhir tahun yang dikaji, keseluruhan rangkaian saluran perniagaan kami telah berkembang kepada 28 pejabat cawangan utama dan 74 cawangan biasa, yang beroperasi di semua ibu negeri dan bandar-bandar utama lain di seluruh negara.

PENGAMBILAN DAN PEMBANGUNAN KAKITANGAN

Pada akhir tahun yang dikaji, kami mempunyai kekuatan 1,130 orang warga kerja - terdiri daripada 657 eksekutif disemua peringkat dan 473 daripada kumpulan perkeranian dan bukan perkeranian termasuk eksekutif khusus bagi memasarkan produk-produk takaful keluarga di bawah Sektor Individu. Sebagai perbandingan, jumlah warga kerja tahun sebelumnya ialah 1,072 orang.

Selangkah dengan falsafah korporat kami untuk membina gunatenaga yang cekap serta bermotivasi, seiring dengan dasar pembangunan sumber daya manusia yang mantap dan cemerlang dengan daya kemahiran yang tinggi, maka langkah-langkah khusus telah diambil dalam tahun yang dikaji untuk mempertajamkan kemahiran teknikal, memperkukuhkan profesionalisma dan mewujudkan etika kerja yang lebih baik dikalangan warga kerja.

Bagi maksud ini, berbagai program latihan dan kursus ulangkaji telah diadakan sepanjang tahun yang dikaji untuk semua peringkat warga kerja. Selain daripada itu, program khas bertajuk 'Sijil Kompeten Takaful' dan 'Diploma Takaful' telah disusun dan dikendalikan dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM). Semua program latihan kami dianjurkan bersama dengan Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM).

In all, our total income during the financial year under review increased by 31 per cent to RM71,542,735 from RM54,457,686 in 2001.

With the overall recovery of the equity market as at the end of the financial year, we wrote back provisions for diminution in the value of quoted shares and unit trusts in respect of the Shareholders' Fund totalling RM4,344,309.

Taking into account the operating expenses of RM57,439,305, we posted a profit of RM14,103,430 before zakat and taxation for the year under review. This represents an increase of 109 per cent over the corresponding profit of RM6,735,334 posted in 2001.

After deducting zakat amounting to RM966,856 and provision for taxation of RM1,148,258, our net profit increased to RM11,988,316 from RM3,696,279 in 2001. With the total accumulated profit of RM34,319,304 brought forward from the previous year, the total profit retained increased to RM43,337,620.

In view of the overall growth of the business, the Board of Directors recommends a tax-exempt dividend of 7.5 per cent, appropriating a sum of RM4,125,000.

GROUP'S PERFORMANCE

The Group recorded a slightly lower net profit of RM10,340,508 due to lossess of PT Syarikat Takaful Indonesia (STI), Arabian Malaysian Takaful Company (AMTC) and Amana Takaful Limited (ATL).

BRANCH NETWORK

In consonant with the on-going programme to upgrade our services particularly at the outlet level, one (1) new branch was opened during the year at Seksyen 13, Shah Alam, Selangor, to replace the previous branch located at the PKNS building which has been regarded as a minor branch.

At the end of the financial year, our network of outlets expanded to 28 main branch offices and 74 minor branches, covering all major and secondary towns nation-wide.

STAFF RECRUITMENT AND DEVELOPMENT

At the end of the year under review, our total staff strength totalled 1,130 - comprising 657 executives at all levels and 473 in clerical and non-clerical grades, including special executives responsible for marketing family products under the Individual Sector. In comparison, the total number of staff in the previous year was 1,072.

As part of our corporate philosophy to develop a motivated and competent workforce, and in line

PENYATA PENGERUSI Chairman's Statement

Kami juga menghantar kakitangan ke seberang laut bagi mengambil bahagian dalam latihan dan kursus yang berkaitan.

Bagi mempertingkatkan lagi persaingan di dalam industri takaful khususnya dan industri insurans amnya, kami telah mencapai penarafan MS ISO 9001:2000 Sistem Pengurusan Kualiti bagi skop perkhidmatan di bawah kedua-dua Perniagaan Takaful Keluarga dan Takaful Am yang meliputi proses pengeluaran sijil dan proses tuntutan dalam tahun yang dikaji.

Rating Agency Malaysia Berhad (RAM) juga telah mengesahkan semula penarafan A1 buat tahun kedua berturut-turut bagi Keupayaan Membayar Tuntutan Takaful Malaysia yang mula diperolehi pada tahun 1999.

SYARIKAT- SYARIKAT SUBSIDIARI DAN BERSEKUTU

Dalam tahun yang dikaji, Asean Retakaful International (L) Ltd. (ARIL), telah genap tahun kelima operasinya sebagai pengendali takaful semula khusus kedua-dua Perniagaan Takaful Semula Keluarga dan Perniagaan Takaful Semula Am. ARIL mencatat perolehan sebenar dan keuntungan sebelum zakat dan cukai masing-masing sebanyak RM4,537,253 dan RM1,856,487. ARIL juga masih terus menerajui pengurusan Pakatan Takaful Semula Skim Takaful Kebakaran di bawah Perniagaan Takaful Am yang telah dilaksanakan pada 1 Oktober 1996 lanjutan daripada projek Kumpulan Takaful Asean (ATG).

Perkhidmatan ARIL telah dikembangkan lagi bagi meliputi fungsi sekretariat bagi ATG, sebuah organisasi antarabangsa pengendali-pengendali takaful dan takaful semula di rantau Asean.

Baru-baru ini ARIL telah melancarkan Takaful Lil Istithmar, produk "investment-linked" luar pesisir yang pertama berdasarkan prinsip Islam yang memberikan peluang pelaburan unik bagi dana Islam Antarabangsa terpilih juga manfaat takaful.

Dalam tahun yang dikaji, Amana Takaful Ltd, Sri Lanka (ATL), syarikat bersekutu dengan pegangan 20 peratus daripada ekuitinya telah genap tahun keempat operasinya. Memandangkan operasinya yang masih baru, ATL masih mencatatkan kerugian pada tahun yang dikaji.

Kami juga terus memegang saham dalam PT Syarikat Takaful Indonesia (STI), dengan penguasaan 56 peratus. Walau bagaimanapun, STI mencatatkan kerugian pada tahun yang dikaji.

Pada tahun yang dikaji, Arabian Malaysian Takaful Company (AMTC), satu lagi syarikat bersekutu juga mencatatkan kerugian. Takaful Malaysia mempunyai pegangan 49 peratus ekuiti dalam AMTC yang memulakan operasi dalam tahun 2000 dan telah diperbadankan di Bahrain

with our human resource development policy of continuously striving for excellence and impeccable efficiency, specific measures had been undertaken during the year to harness technical skills, improve the professionalism and work ethics for staff at all levels.

Towards this end, various categories of training programmes and refresher courses were conducted throughout the year. In addition, special programmes such as 'Certificate of Competency in Takaful' and 'Diploma in Takaful' were specifically designed and conducted in collaboration with Universiti Teknologi Mara (UiTM). All of our training programmes had been organised jointly with Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM). We had also sent our staff members abroad to participate in relevant training courses.

As a further measure to enhance our competitiveness in the takaful industry in particular and in the insurance industry in general, we have obtained the MS ISO 9001:2000 Quality Management System certification in two core areas covering the areas of certificate issuance and claims payment during the year.

Rating Agency Malaysia Berhad (RAM) also reaffirmed for the second year running the Claim Paying Ability Rating of A1 for Takaful Malaysia which was first obtained in 1999.

SUBSIDIARY AND ASSOCIATED COMPANIES

During the year, Asean Retakaful International (L) Ltd (ARIL) completed its fifth year of operations as a specialised retakaful operator for both the General Business and the Family Business. ARIL registered an actual turnover and profit before zakat and taxation of RM4,537,253 and RM1,856,487, respectively. ARIL also continued to manage the Retakaful Pool for Fire Takaful Scheme under the General Takaful Business which was established on October 1, 1996, following the formation of the Asean Takaful Group (ATG).

The services of ARIL had been extended to include secretarial functions for the ATG, an international association of takaful and retakaful operators in the Asean Region.

Recently, ARIL launched Takaful Lil Istithmar, the first Islamic offshore investment-linked fund which provides unique investment opportunities in selected International Islamic funds as well as takaful benefits.

At the same time, Amana Takaful Limited, Sri Lanka (ATL), a 20 per cent associated company completed its fourth year of operation. Since the operation is relatively new, ATL still registered losses during the year.

PENYATA PENGERUSI *Chairman's Statement*

sebagai sebuah syarikat luar pesisir, dengan pengkhususan dalam produk-produk takaful perubatan/kesihatan untuk pasaran Arab Saudi.

KERJASAMA TEKNIKAL

Takaful Malaysia terus menjalinkan kerjasama dengan IBFIM bagi menganjurkan kursus-kursus mengenai operasi takaful bagi menyebarkan maklumat dan mempromosi perniagaan takaful ke segenap lapisan masyarakat, termasuk di luar Malaysia. Juga langkah ini bertujuan memperbaiki dan mempertingkatkan kemahiran teknikal kakitangan pengendali-pengendali takaful serta pihak-pihak lain yang berminat di dalam dan luar negara. Bagi tujuan ini, beberapa orang pegawai kami secara aktif terlibat dalam mengendalikan kursus dan program latihan sebagai fasilitator dan penceramah. Ini adalah selaras dengan usaha memperkenalkan perniagaan takaful ke pentas antarabangsa.

MASA HADAPAN

Walaupun keadaan semasa ekonomi global adalah muram, Kerajaan menjangka bahawa ekonomi Malaysia akan mencatat kadar pertumbuhan yang lebih tinggi tahun hadapan.

Berdasarkan Laporan Ekonomi 2002/2003, Malaysia menjangka kadar pertumbuhan antara 6% hingga 6.5% pada tahun hadapan daripada jangkaan 4% hingga 5% pada 2002, memandangkan semua sektor ekonomi diramal akan berkembang. Tambahan lagi, Kerajaan telah mengumumkan pakej kewangan khas bagi mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Dengan pemulihan sederhana ekonomi dunia pada tahun ini, ekonomi global dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 3.7% pada tahun hadapan.

Sekalipun dalam kelembapan ekonomi, kami meramalkan bahawa prestasi secara keseluruhan, terutamanya bagi Perniagaan Takaful Keluarga akan terus bertambah baik. Ini berdasarkan kepada hakikat pasaran yang masih belum diterokai sepenuhnya, lebih-lebih lagi dikalangan masyarakat Bumiputra Islam, selain daripada hakikat rata-rata takaful itu sendiri kian meningkat popularitinya dikalangan masyarakat. Kami juga menjangka jumlah penyertaan badan-badan korporat termasuk syarikat-syarikat multi-nasional dalam pelbagai produk takaful khususnya di bawah Perniagaan Takaful Am akan turut meningkat.

Di samping itu juga, kami akan terus menyediakan produk-produk takaful yang lebih inovatif dan berpatutan dengan nilai wang untuk memenuhi dan memuaskan permintaan ke atas keperluan insurans disemua peringkat pelanggan.



We also maintained our shareholdings in PT Syarikat Takaful Indonesia (STI), of 56 per cent. However, STI registered lossess during the year.

During the year, another associated company, Arabian Malaysian Takaful Company (AMTC) also registered a loss. Takaful Malaysia has 49 per cent equity holdings in AMTC which commenced operation in 2000 and was incorporated in Bahrain as an off-shore entity specialising in medical/health takaful products for the Saudi market.

TECHNICAL COOPERATION

Takaful Malaysia in close collaboration with IBFIM organised training courses in takaful operations to further disseminate and promote the takaful business to all sectors as well as to improve and sharpen the technical skills of staff members of takaful operators and other interested parties both at locally and abroad. Towards this end, a number of our senior personnel actively participated in these courses and training programmes as facilitators and speakers. This is in line with the move to indirectly promote takaful business to the international arena.

PROSPECT

Despite the current gloomy global outlook, the Government expects the Malaysian economy to register a higher growth rate in the coming year.

Based on the latest Economic Report 2002/2003, Malaysia is expected to register a growth rate of between 6% to 6.5% next year from an estimated 4% to 5% in 2002, in view of the anticipated expansion of all sectors in the economy. A further boost may be expected following the recent announcement by the Government of a special financial package to stimulate the Malaysian economic growth.

With a mild recovery in the world economy this year, the global economy is projected to register a growth of 3.7% next year.

PENYATA PENGERUSI Chairman's Statement

Kami juga akan terus mengikuti perkembangan pasaran dan sentiasa memfokuskan kepada kehendak pelanggan agar sentiasa berdaya saing dan berjaya.

Tumpuan khusus akan diberikan kepada strategi untuk mempertingkatkan tahap keprofesionalisma eksekutif-eksekutif pemasaran khusus yang memasarkan produk-produk Sektor Individu di bawah Perniagaan Takaful Keluarga selaras dengan dasar Kerajaan untuk memupuk budaya menabung dikalangan individu. Dasar pelbagaian produk dalam memenuhi permintaan terhadap khidmat takaful yang kian meningkat akan terus diperhebatkan. Apapun dasar ini akan dilaksanakan dengan langkah berhemah dan penuh waspada.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Peralihan ke alaf baru akan membawa kepada era di mana e-dagang dijangka akan memainkan peranan yang penting dalam dunia perniagaan. Langkah ke arah globalisasi akan memperhebatkan suasana persaingan. Organisasi yang berjaya menggunakan teknologi maklumat akan mendapat kelebihan strategik dalam suasana persaingan perniagaan di masa hadapan.

Bagi menghadapi senario ini, kami sebagai salah satu perintis dalam memperkenalkan dan mempromosikan aplikasi perdagangan elektronik yang pertama bagi syarikat insuran/pengendali takaful dengan pelancaran "Portal Financial Link" dalam bulan Oktober 1999. Melalui perkhidmatan ini, Peserta-peserta boleh memperbaharui sijil takaful kenderaan masing-masing dan mengurus bayaran sumbangan takaful melalui Internet. Memandangkan pembayaran secara talian terus hanya boleh dibuat melalui kad kredit, kami telah mengantaramuka dengan portal Maybank 2U bagi menawarkan khidmat kepada pemegang akaun Maybank.

Setapak ke hadapan, kami menjadi salah satu syarikat insurans/ pengendali takaful pertama terlibat dalam projek perintis "Road Transport Department's (RTD) eCoverNote". Melalui projek ini, semua sijil kenderaan takaful yang dikeluarkan akan dihantar ke Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) secara elektronik. Sijil takaful tersebut digunakan untuk pengeluaran cukai jalan oleh JPJ dan akan dikembalikan secara elektronik kepada Takaful Malaysia untuk disahkan bagi mengawasi pemalsuan sijil atau nota perlindungan. Dengan ini, kami telah maju setapak ke hadapan dalam e-dagang ke arah mempertingkatkan komunikasi diantara organisasi dan juga menyokong dan melengkapkan suasana Kerajaan elektronik, satu daripada kemegahan Koridor Raya Multimedia Malaysia.

Bagi memberikan khidmat yang lebih baik dan

However, despite the slowdown of the economic activity, we expect our overall performance, especially our Family Takaful Business to continue to improve. This assessment is based on the large untapped market particularly among the Bumiputra Muslim population and increasing popularity of takaful business among the public. We also expect the volume of participation from corporate bodies including multinational companies in various types of takaful products, particularly under the General Takaful Business would continue to grow.

Furthermore, we will continue to provide more innovative and value-for-money takaful products that are capable of meeting the demands of all levels of participants. We will also continue to be market-driven and customer focus in order to remain competitive and successful.

Special emphasis will be focussed on the strategy of enhancing the skills of the specialised marketing executives in order to promote the Individual Sector of the Family Takaful Business, in line with the Government's policy to inculcate the savings habit among the population. The policy of product diversification will be intensified to meet the growing demands for takaful services. However, this policy will be carried out with care and utmost prudence.

INFORMATION TECHNOLOGY

The new millennium will mark the era where e-commerce would play a critical role in the business environment. The move towards globalisation will further intensify competition. Organisations that can harness information technology will have the strategic advantage in the future.

Recognising this, we among the pioneers to introduce and promote the first e-commerce application in the insurance/takaful industry with the launching of the "Financial-Link Portal" in October 1999. Under this service, Participants may conveniently pay and renew their motor takaful certificates through the Internet. Since online payment can only be made via credit cards, we have interfaced with Maybank 2U portal in order to extend the services to Maybank accounts holders.

Advancing further, we are one of the first among a selected group of insurance companies / takaful operators to be involved in the "Road Transport Department's (RTD) eCoverNote" pilot project. Under this project, all of our motor takaful certificates issued will be electronically submitted to the RTD. The takaful certificates used for the issuance of road tax will then be electronically returned to Takaful Malaysia for authentication purposes to detect fraudulent takaful certificates

PENYATA PENGERUSI Chairman's Statement

efisien kepada Peserta, kami telah memulakan projek Penghijrahan Teknologi Maklumat untuk menukar sistem, Perniagaan Takaful Am dan Takaful Keluarga. Projek ini dijangka dalam pelaksanaan sekurang-kurangnya lapan belas (18) bulan. Sistem baru bersepadu akan memberi manfaat kepada Peserta dari segi khidmat pelanggan yang efisien.

Sistem komputer talian terus di seluruh rangkaian cawangan membekalkan perkhidmatan yang mudah dan cekap untuk peserta-peserta. Laman web kami (www.takaful-malaysia.com) juga merupakan saluran pemasaran yang baik bagi mempromosi dan menyebarkan maklumat mengenai konsep dan operasi takaful serta berbagai produk yang disediakan. Objektifnya adalah untuk membolehkan penyertaan pelbagai produk dilakukan secara talian terus melalui Internet.

Di samping itu, aplikasi Intranet dan e-mail kami dapat mempertingkatkan lagi komunikasi dalaman dan memudahkan penyebaran maklumat bagi menambahkan produktiviti dan mutu khidmat kepada pelanggan.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri, Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kewangan, Pejabat Ketua Pengarah Takaful, Bank Negara Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA), badan-badan berkanun, Bank Islam Malaysia Berhad, Lembaga Tabung Haji, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pemegang-pemegang Saham dan semua Peserta atas sokongan padu dan kerjasama dalam semua bidang sepanjang tahun yang dikaji. Kami berharap sokongan ini akan terus berkekalan di masa hadapan.

Penghargaan juga saya rakamkan untuk rakan-rakan Lembaga Pengarah, Pengerusi serta ahli-ahli Majlis Pengawasan Syariah dan Jawatankuasa Pengurusan atas keazaman dan usaha gigih mereka.

Saya turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi sebelum ini, Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman atas pimpinan dan sumbangan beliau sepanjang tempoh beliau berkhidmat sebagai Pengerusi.

Akhirnya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan perakuan dan penghargaan Lembaga Pengarah kepada semua kakitangan atas ketekunan, kegigihan dan profesionalisma mereka. Saya berharap mereka akan terus berusaha dengan lebih bersungguh lagi dalam semangat juang yang tinggi bagi

or cover notes. With this, we have moved a step further in e-business to improve communication between organisations and to support and complement the electronic Government environment, one of Malaysia's Multimedia Super Corridor flagships.

In order to provide superior and efficient services to Participants, we have embarked on an IT Migration project which would change systems, for both General Takaful Business and Family Takaful Business. This project would run for a period of at least eighteen (18) months. The new integrated system would benefit the Participants in terms of efficient customer service.

The on-line computer system facility at all of our outlets provides convenient and efficient service to all Participants. Our web-site (www.takaful-malaysia.com) serves as an effective marketing tool to promote and disseminate knowledge on the concept and operation of takaful as well as the various types of takaful products offered. The objective is to facilitate the public in participating in various takaful products via the Internet.

Our Intranet and e-mail applications also provide the framework to promote better internal communication and facilitate access to key information that may assist in improving productivity and good quality of services to participants.

ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Board of Directors, I would like to express our appreciation and gratitude to the Federal and State Governments, the various Government Ministries and Departments, the Department of Religious Affairs, the Ministry of Education, the Ministry of Finance, the Office of the Director General of Takaful, Bank Negara Malaysia, Labuan Off-shore Financial Services Authority (LOFSA), the various Statutory bodies, Bank Islam Malaysia Berhad, Lembaga Tabung Haji, Employees Provident Fund, the shareholders and Participants for their support and cooperation in all areas throughout the year under review. We look



mencapai prestasi yang lebih cemerlang dalam tahun akan datang.

Semoga Allah memberi taufik dan hidayahNya kepada kita semua.



DATO' MOHD YUSOF HAJI NASIR
PENGERUSI

Kuala Lumpur
Tarikh : 18 Oktober 2002
11 Syaaban 1423

PENYATA PENGERUSI *Chairman's Statement*

forward to the continuation of this support in the future.

My gratitude to my colleagues on the Board, Chairman and members of the Syariah Supervisory Council and the Management Committee for their commitment and effort.

I would like to thank our former Chairman, Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman for his constant guidance and contribution throughout his tenure as Chairman.

Lastly, I would also like to take this opportunity to express the Board's recognition and appreciation to all staff members for their diligence, dedication, hard work and professionalism in this past year. I hope that they will continue with their splendid efforts and strive for better performance and excellence for the coming year.

May Allah give us His guidance.



DATO' MOHD YUSOFF HAJI NASIR
CHAIRMAN

Kuala Lumpur
Dated : 18 October 2002
11 Syaaban 1423